

PERJUANGAN ISU-ISU WANITA MODEN DALAM MAJALAH
WANITA TEMPATAN

LEE LYNN YING



ARKIB

106

IAC895

MZ21A78

PERJUANGAN ISU-ISU WANITA MODEN

DALAM MAJALAH WANITA TEMPATAN

OLEH

LEE LYE YING

Bahagian Komunikasi Massa
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.
Januari 1983.

KANDUNGAN

	HAL.
PENGHARGAAN	ii
BAB 1	
PENGENALAN	1
WANITA DAN MEDIA MASSA DI MALAYSIA	3
PERGERAKAN FEMINIS	6
PERMASALAHAN	11
HIPOTESIS	11
OBJEKTIF KAJIAN	11
KEUTAMAAN KAJIAN	12
BAB 2	
RESENSI BUKU	15
BAB 3	
KAEDAH	24
KONSEPTUALISASI	26
BAB 4	
PENEMUAN DAN PENGANALISAAN	29
BAB 5	
RUMUSAN	57
KELEMAHAN KAJIAN	59
BIBLIOGRAFI	60

BAB I

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Seorang orang berpendapat menjalani tempatan memperkenan
seorang Terima kasih diucapkan kepada penyelia saya,
Encik Mustafa Anuar Kamal, atas segala nasihat dan bimbingan yang diberi.
Kepada Poh Yen dan Latifah, ribuan terima kasih
atas sumbangan dan pertolongan anda berdua.

Juga, bantuan yang diberi oleh kawan-kawan semua
adalah amat dihargai.

Lee Lye Ying

Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang, 1983.

Kalau kita perhati "reflection hypothesis" yang dikemukakan oleh seorang ahli sains, maka iaitu kandungan dalam majalah mencerminkan hilang dan minat pengetahuan, kecuali sekiranya menunjukkan konsep-konsep pada buku teks dan artikel dan bukti yang menarik minat manusia. Jadi kalau dilakukan hal ini menjadikan majalah sebagai sumber pengedaran.

BAB 1

Penilaian mengenai majalah wanita di Amerika Syarikat

Secara Barat dan Juru di Amerika Syarikat, seumpama dia

ini tidak lagi berbeza di sini, namun perkembangan

PENGENALAN
dapat dilihat oleh ahli pentadbiran wanita mula bertambah

Ramai orang berpendapat majalah tempatan memaparkan soal remeh sambil mengenepikan isu yang lebih penting.

Benarkah pendapat di atas? Adakah majalah tempatan hanya menumpukan perhatian kepada perkara kecil dan tidak pedulikan yang lebih serius?

Bila merujuk kepada majalah tempatan, tidaklah salah kalau majalah wanita tempatan juga ditempatkan dalam kategori ini. Yang menjadi minat penyelidik ini ialah untuk mengkaji samada majalah wanita tempatan adalah seperti yang digambarkan di atas, iaitu mementingkan perkara yang remeh.

Majalah wanita merupakan satu-satunya bahan bacaan utama kaum wanita. Ramai daripada mereka sanggup dan mampu membayar sebanyak tiga ringgit sebulan untuk senaskah majalah.

Kalau kita percaya "reflection hypothesis" yang dikemukakan oleh setengah ahli sarjana, maka isi kandungan sesebuah majalah mencerminkan nilai dan minat pembacanya, dan ia akan cuba menunaikan kehendak pembaca dengan menyiaraskan artikel dan rencana yang menarik minat mereka. Ini harus dilakukan kalau majalah itu ingin mengekalkan kadar pengedarannya.

Pada awal tahun tujuhpuluhan isu pergerakan pembebasan wanita telah diheboh-hebohkan oleh media di negeri Barat dan juga di Amerika Syarikat. Walaupun itu ini tidak begitu hebat di sini, namun kesannya juga dapat dilihat bila ahli pemimpin wanita mulai berusaha mendesak pihak-pihak tertentu supaya memperbaiki kedudukan kaum perempuan dalam keluarga dan masyarakat.

Memandangkan bahawa isu pergerakan ini adalah mengenai kaum wanita sendiri, adalah menarik kalau kita kaji bagaimana majalah wanita tempatan menganggap soalan yang dibangkitkan oleh golongan feminis.

Adalah wajar juga kalau kita kaji dua jenis majalah, iaitu yang dituju kepada kaum Melayu dan yang khusus untuk mereka yang dididik di sekolah Bahasa Inggeris. Ini ialah kerana kedua-dua kumpulan ini mempunyai nilai dan norma hidup tersendiri, dan perbezaan ini dapat diperlihatkan dalam isi kandungan serta cara persembahan dalam majalah yang berkenaan.